

Selaryangku Sayang

Buletin MPS • Bil 1/2009 • Percuma



Pelantikan Ahli-Ahli Majlis MPS Sessi 2009-2010

Majlis mengangkat sumpah dan menandatangani penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis MPS untuk sesi 2009-2010 telah diadakan pada 15 Julai 2009 di Bilik Siantan, MPS.

YBhg. Dato' Hj. Zainal Abidin bin Azim, Yang Dipertua MPS berkata, perlantikan pada sesi ini menampilkan 5 muka baru. Sehubungan dengan itu, beliau berharap Ahli-ahli Majlis dapat membentuk barisan kepimpinan yang lebih mantap dan mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk MPS dan orang ramai.

Puan Sian Keng Eng, Encik Lee Kai Loon, YM. Tengku Zulpuri Shah b. Raja Puri, Encik Gunarajah a/l R. George dan Encik Roslin b. Mohd. Rosli merupakan muka baru yang telah dilantik untuk penggal ini.

Tuan YDP turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli Majlis yang telah memberikan khidmat yang baik sepanjang penggal yang lalu. Ahli Majlis MPS yang tidak lagi berkhidmat dalam penggal ini ialah Encik Kuan Perk Siong, Puan Gurdip Kaur a/p Pritam Singh, Encik Tan Kian Boo, Tuan Ir. A. Rashid b. Omar dan Puan Lim Jit Lee.

Menarik di dalam





Pelantikan Ahli-Ahli Majlis MPS Sesi 2009-2010

Majlis mengangkat sumpah dan menandatangi penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis MPS untuk sesi 2009-2010 telah diadakan pada 15 Julai 2009 di Bilik Siantan, MPS.

YBhg. Dato' Hj. Zainal Abidin bin Azim, Yang Dipertua MPS berkata, pelantikan pada hari ini menggabungkan masa lama dan beberapa mukul tanah yang diperolehi daripada benturan garis kepimpinan Majlis Pertamadaran Selayang yang lebih mantap dan mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk MPS dan orang ramai.



Menarik di dalam

Dari Meja Yang Dipertua



Assalamualaikum wbkt dan salam sejahtera. Bertemu kita di keluaran Selayangku Sayang Bil.1/2009. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh Ahli Majlis yang telah dipilih oleh parti dan kerajaan untuk memikul tanggungjawab sebagai Ahli Majlis bagi sesi 2009/2010. Majlis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis sesi 2008/2009 yang telah memberikan kerjasama dan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang berkhidmat di Majlis Perbandaran Selayang.

Selaras dengan hasrat untuk membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU), MPS telah membincangkan dan bersetuju memberi pengurangan cukai taksiran kepada pemilik pegangan orang kurang upaya sebanyak 90% dan minimum ke atas cukai taksiran sahaja. Permohonan yang lengkap akan diproses oleh Jabatan Penilaian dengan syarat-syarat yang ditetapkan seperti pegangan merupakan harta pertama dan diduduki sendiri, memperolehi pendapatan kurang dari RM1,500.00 sebulan dan permohonan hendaklah diperbaharui sekali setiap tahun iaitu sebelum 1hb Disember.

Seperti mana yang kita sedia maklum, krisis ekonomi global yang melanda negara mengakibatkan ramai pekerja terpaksa diberhentikan kesan daripada pengecilan operasi syarikat-syarikat berkenaan termasuk syarikat di Negeri Selangor. Dalam hal ini, pihak Majlis telah bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat Selangor dan Syarikat Jobstreet.com dengan membuka kaunter Selangor Retrenchment Helpline sepanjang bulan Mac dan April 2009.

Pelbagai tindakan dan operasi telah diadakan oleh Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama jabatan-jabatan lain bagi mempertingkatkan kesedaran di kalangan penduduk mengenai pembaharuan lesen dan penguatkuasaan terhadap penggantungan kain rentang dan bunting tidak berlesen. Banyak aduan telah diterima mengenai perkara ini dan MPS sentiasa memastikan tindakan menanggalkan dan merampas kain-kain terbabit dibuat dari semasa ke semasa.

Di bawah program Local Agenda 21 Selayang, pelbagai program telah dirangka dan diadakan bagi merapatkan hubungan di antara MPS dan orang ramai antaranya ialah Senamrobik Bergerak dan juga mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Bergerak. Dengan adanya program sebegini, diharapkan akan dapat mendekatkan penduduk dengan MPS.

Sekian, terima kasih.

DATO' HJ. ZAINAL ABIDIN BIN AZIM
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Hj. Zainal Abidin Bin Azim
Yang Dipertua

Tn. Hj. Jamri bin Basni
Setiausaha

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin bin Masoad

PENOLONG KETUA PENGARANG

Cik Helda Syima Binti Abu Talab

PENGARANG

Pn. Nor Masliawaty Asmawar Binti Baharudin

JURUGAMBAR

Cik Anissapinah Binti Mohd Dan

EDARAN

Jabatan Perhubungan Awam

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-6210 4903/4/5/6 Faks : 03-6138 8933
E-mail : selayangmesra@mps.gov.my
<http://www.mps.gov.my>

* Perhatian : Semua pendapat dan buah fikiran Selayangku Sayang tidak semestinya merupakan pendapat rasmi MPS.

Kursus Lanjutan Ahli Majlis



En. M. Murugan, Penasihat Undang-Undang MPS mem bentangkan kertas kerja.



Tn. Hj. Jamri bin Basni, Tim. YDP menyampaikan cenderamata kepada YBhg. Dato' Selvarajah a/l Arokian.

Kursus Lanjutan Ahli Majlis MPS Sessi 2008 / 2009 telah diadakan selama 3 hari pada 20 – 22 Mac 2009 bertempat di Kompleks Sukan Sri Siantan, Jalan Sg. Tua, Batu Caves, Selangor.

Kursus ini adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada semua Ahli Majlis tentang peranan dan tanggungjawab serta memantapkan lagi pengetahuan Ahli Majlis mengenai pelbagai bidang berkaitan PBT.

Prof. Madya Sr. Dr. Hj. Husin b. Mohd Dini yang juga seorang Ahli Majlis MPS telah menyampaikan kertas kerja yang bertajuk Audit Bangunan. Sessi kedua En. M Murugan, Penasihat Undang-Undang Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah membentangkan kertas kerja bertajuk Cabaran Ahli majlis Berkennaan Aspek Undang-Undang.

Ahli Majlis juga turut didedahkan Sistem Pengurusan Aduan MPS yang telah disampaikan oleh En. Mohamad Zin Bin Masoad, Pengarah Perhubungan Awam dan Perancangan Korporat MPS.

YBhg. Dato Selvarajah a/l Arokian, dari Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam Malaysia telah menyampaikan ceramah berkaitan ‘Teknik-teknik Untuk Menemuduga’. Untuk penampilan diri, para peserta kursus telah di dedahkan oleh Tuan Syed Sheikh bin Syed Zain dengan tajuk Senigaya Persembahan Diri (The Art Of Self Presentation).

Ustaz Dr. Badrul Amin bin Baharom yang merupakan penceramah bebas telah membentangkan kertas kerja bertajuk Peranan Ahli Majlis Ke Arah Membentuk Masyarakat Madani.

Para peserta juga telah didedahkan dengan dua konsep perancangan bandar iaitu Program Bandar Selamat dan Local Agenda 21. Untuk kertas kerja Program Bandar Selamat telah dibentangkan oleh Tuan Hj. Mat Isa bin Jaafar, dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Manakala En. Mohd. Khaizal bin Maarip dari JPBD, Selangor telah membentangkan kertas kerja pelaksanaan dan pencapaian Local Agenda (LA21) peringkat Negeri Selangor.

YB. Tuan Amiruddin bin Shari, ADUN Batu Caves, telah hadir untuk perasmian penutupan dan menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta yang terdiri dari Ahli-Ahli Majlis dan pegawai-pegawai.



Prof. Madya Sr. Dr. Hj. Husin b. Mohd Dini menyampaikan kertas kerja Audit Bangunan dengan T. Ir Zolkeflee selaku Pengerusi.



Program Whistle Stop Daerah Gombak



YB Dato Dr. Hassan Mohamed Ali dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor.

Program Mini Karnival Sempena Satu Tahun Pentadbiran Kerajaan Baharu Selangor (*Whistle Stop*) telah diadakan di Perkarangan Stadium, Majlis Perbandaran Selayang pada 14 & 15 Mac 2009.



Penyampaian sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin dari MPS.

seterusnya merasmikan program tersebut serta menerima cek dari MPS untuk Yayasan Amal Malaysia bagi Tabung Keamanan Gaza Palestin sementara menunggu ketibaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri, YB Dato' Dr. Hassan Mohamed Ali telah sudi menyampaikan ucapan dan



Program anjuran kerajaan Negeri Selangor yang julung-julung kali diadakan itu turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti gerai pameran dan informasi serta jualan produk tempatan.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah bersama-sama menjayakan program pada hari tersebut dan telah sudi menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan kereta tercantik.

Perhimpunan Tahun Baru 2009



Sebahagian daripada kakitangan di Majlis Perhimpunan Tahun Baru 2009.

Majlis Perhimpunan Tahun Baru MPS 2009 telah diadakan pada 21 Januari 2009 di Dataran MPS.

Pada sesi perhimpunan kali ini selain daripada ucapan dari Dato' Yang Dipertua, juga turut diperdengarkan Perutusan Tahun Baru YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor.

Majlis Perbandaran Selayang juga tidak ketinggalan dalam menuaikan tanggungjawab sosialnya dengan melancarkan Tabung Kemanusiaan Untuk Rakyat Palestin. Wang terabit akan diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk disalurkan kepada Yayasan Amal Malaysia.



En. Mohd. Faizal Badiuzaman, Pengarah Penguatkuasa mengetuai Ikrar Penjawat awam.



Ahli-Ahli Majlis turut menyampaikan sumbangan yang telah dikutip di Zon JKP masing-masing.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1430HIJRAH

Peringkat Majlis Perbandaran Selayang



Majlis dimulakan dengan marhaban sebagai pembuka tirai kepada sambutan maulidur rasul 1430H

Program Sambutan Maulidur Rasul 1430H, dengan kerjasama Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS, telah diadakan pada 13 Mac 2009, bertempat di Lobi Menara MPS.



Ustaz Kamal Ashari menyampaikan ceramah dengan syarahan bertajuk "Waddah Pemangkin Ummah". Sebahagian dari hadirin.



Majlis diserikan dengan persembahan marhaban dari Kumpulan Marhaban Al-Ehsan, Kg. Melayu Batu Caves Selatan. Turut diadakan ialah ceramah agama bertajuk "Waddah Pemangkin Ummah" yang disampaikan oleh Ustaz Kamal bin Ashaari.

Peringkat Daerah Gombak



Perarakan bermula seawal pagi menuju Masjid Kg Gombak



Sambutan Maulidur Rasul peringkat Daerah Gombak telah diadakan pada 14 Mac 2009 bertempat di Kuang.

Majlis dimulakan dengan perarakan dari Padang Kg. Setia ke Masjid Kg Gombak, Kuang. Perarakan telah diketuai Pegawai Daerah Gombak.



MPS telah menghantar seramai 35 orang anggota perbarisan untuk menyertai acara perarakan.

Majlis tersebut telah turut disertai oleh pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta dan pelajar sekolah.

Peringkat Negeri Selangor



Peserta perarakan yang mewakili MPS bergambar sebelum majlis bermula.

Persembahan Nasyid di Stadium Melawati, Shah Alam.



Seramai 45 orang anggota pelbagai jabatan MPS telah menyertai acara perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor pada 9 Mac 2009 di Shah Alam.

Perarakan bermula dari padang Bangunan SUK dan berakhir di Stadium Melawati. Perarakan telah diketuai YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut disertai Exco Kerajaan Negeri serta ketua-ketua jabatan peringkat Negeri Selangor.

LAWATAN

Lawatan JK Kecil Pelancongan



Lawatan PLKN



Seramai 80 orang peserta Pusat Latihan khidmat Negara (PLKN) dari kem Templer Park, Rawang telah mengadakan lawatan ke MPS pada 11 Februari 2009.

Lawatan tersebut adalah merupakan salah satu modul komuniti yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab agensi kerajaan kepada masyarakat.

Selepas taklimat para peserta telah dibawa ke Kampung Nakhoda, Batu Caves untuk aktiviti gotong royong dan Kempen Anti-Denggi. Mereka telah dibimbing oleh kakitangan Jabatan Kesihatan MPS.



Jawatankuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas, dan Pelancongan MPS telah mengadakan lawatan ke tempat-tempat pelancongan untuk melihat dengan lebih dekat segala prasarana dan kemudahan yang lain.

Lawatan tersebut telah diadakan pada 20 Mei 2009. Tempat-tempat yang dilawati adalah Kolam Air Panas di Selayang, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Kancing dan Taman Rimba Templer di Rawang.



Taman Rimba Templer



KELUARGA CEMERLANG MPS GEMILANG



Program Hari Keluarga MPS telah diadakan pada 31 Januari 2009 bertempat di Padang Kampung Melayu Batu 16, Rawang.

Program ini adalah merupakan acara tahunan yang dinantikan oleh semua kakitangan. Program anjuran bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS ini diadakan dua tahun sekali.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YB William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang. Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menyeru kakitangan untuk sentiasa bekerjasama dan berpadu dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Beliau percaya melalui program ini semangat itu dapat dipupuk dan disemai di kalangan Ahli Majlis dan kakitangan.



Pelbagai acara menarik juga telah disediakan seperti acara sukaneka, Bola Sepak Kain Pelikat, Dam Gergasi dan pelbagai acara lagi yang disertai oleh Ahli Majlis dan kakitangan serta keluarga masing-masing.

Pengunjung juga turut disajikan dengan persembahan daripada artis-artis terkenal tanah air seperti Johan dari Raja Lawak, Nas Adilla, Shieda dan beberapa artis lain.

Program sambutan ini telah diselang seli dengan acara cabutan bertuah di mana hadiah utama adalah merupakan sebuah televisyen.

Ahli Majlis MPS



Tuan Zainal A.
Yang D.



Tuan Hj. Ja.
Timbalan Ya.



**Tn. Abdul Rahim b.
Abdul Wahab**

- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
 - J/Kuasa OSC
 - J/Kuasa Kecil Kewangan
 - J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



**YAD. Dato' Paduka Raja
Dato' Hj. Wan Mahmood b.
Pa'Wan Teh**

- J/Kuasa OSC
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
- J/Kuasa Kecil Kewangan



Tn. Lim Ching How

- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
 - J/Kuasa OSC
 - J/Kuasa Kecil Kewangan
 - J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



**Tn. Hj. Mohamad b.
Abdul Rahman**

- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
 - J/Kuasa OSC
- J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Puan Sian Keng Eng

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
 - J/Kuasa Tender & Sebut Harga
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
 - J/Kuasa Kecil Kewangan



**Tn. N. Gopalan Krishnan a/l
Rajoo**

- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
 - J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Tn. Zulkifli b. Hamzah

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
 - J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



Tn. Dr. Ramli b. Jusoh

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
 - J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



**YBhg. Prof. Madya Sr. Dr.
Hj. Husin b. Mohd Dini**

- J/Kuasa Tender & Sebut Harga
- J/Kuasa Kecil Kewangan
- J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



Tn. Chee Chu Sang

- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
 - J/Kuasa OSC
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
 - J/Kuasa Kecil Kewangan



Tn. Roslin b. Mohd Rosli

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
 - J/Kuasa Tender & Sebut Harga
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
 - J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Tn. Zulnizam b. Shahranie

- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
 - J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan

Sessi 2009/2010



Abidin b. Azim
Dipertua



Mri b. Basni
Dipertua



Tn. A. Rahim b.
Ahmad Kasdi

- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
- J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Tn. Murugan @ Murugesu
a/l Arumugam

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembagnunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan



Tn. Hasbullah b.
Mohd Ridzwan

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Tender & Sebut Harga
- Pihak Berkuausa Melantik
- J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



YBhg. Dato' Hj. Mazlan b.
Hassan

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Pn. Khatifah Zamani bt.
Sulong

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan
- Lembaga Tindakan Tatatertib
- J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Pn. Maznah bt. Abd Aziz

- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
- J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



Tn. Samsudin b. A. Rahman

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Kewangan
- J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



Tn. Md. Sabri b. Md. Taib

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
- J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Tn. Tan Hui Chuan

- J/Kuasa Tender & Sebut Harga
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
- J/Kuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan
- J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



YM Tengku Zulpuri Shah B.
Raja Puji

- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan & Perjawatan
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Pelaburan & Penswastaan



Tn. Gunarajah a/l R. George

- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
- J/Kuasa Kecil Kewangan



Tn. Lee Khai Loon

- J/Kuasa Kecil Audit Pengurusan Korporat
- J/Kuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan
- J/Kuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan
- J/Kuasa Kecil Kewangan

KURSUS DAN LATIHAN

Pengurusan Jenazah



Para penceramah sedang menunjuk demonstrasi kepada peserta kursus cara-cara menguruskan jenazah



Kesemua peserta yang hadir pada kursus tersebut menerima cenderamata berserta sijil kursus layak dan iktiraf untuk menguruskan jenazah

Sebagai memenuhi tuntutan Fardhu Kifayah, MPS telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah untuk kakitangan pada 24 -25 Mac 2009 di Teratak Singgah, kompleks Sukan Seri Siantan, Jalan Sungai Tua.

Kursus tersebut telah dijalankan oleh Ustaz Mohd Zainal bin Hj. Khamis dari Al-Barzah Enterprise selaku konsultan untuk program tersebut.

Kursus tersebut telah diadakan dalam 3 siri yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada 150 kakitangan MPS.

Semua peserta telah diberikan sijil penyertaan yang telah disampaikan oleh pihak konsultan.

Kaunter Pandu Lalu MPS Mudahkan Penduduk



Peserta kursus KMK yang hadir menumpukan perhatian dalam melakukan semasa ceramah sedang berlangsung

Majlis Perbandaran Selayang telah mengorak langkah dengan mengadakan penambahbaikan ke arah pemantapan sistem penyampaiannya dengan mengadakan kaunter bayaran pandu lalu.

Dengan adanya kaunter berkenaan, orang ramai boleh membuat bayaran bil yang dikeluarkan oleh MPS dan semua bil pihak berkuasa tempatan. Kaunter ini juga membolehkan bayaran berkenaan daripada Pejabat Tanah Daerah seluruh Selangor diselesaikan di kaunter tersebut yang diletakkan di sebelah kanan pintu pagar sebelum masuk ke Menara MPS.

Kaunter ini mula beroperasi dari jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang. Dengan adanya kaunter ini diharap lebih memudahkan orang ramai untuk membuat pelbagai jenis bayaran seperti cukai taksiran, lesen dan sebagainya.

Pada masa yang sama, beberapa penambahbaikan pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan seumpamanya oleh MPS adalah menerusi perkhidmatan kaunter berpusat dan kaunter bergerak yang diwujudkan setahun lalu.

OPERASI BERSEPADU MPS

Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

81 pendatang asing tanpa izin (Pati) ditahan dalam operasi bersepadu bagi membanteras peniaga asing oleh Jabatan Pengawal Persekutuan, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersama Jabatan Imigresen, Polis dan Rela pada 13 Februari 2009.

Dalam operasi bermula 1 pagi di sekitar Pasar Borong Selayang Lama itu, kira-kira 80 peratus Pati yang ditangkap terdiri daripada warga Myanmar, manakala selebihnya adalah warga Indonesia, Bangladesh dan lain-lain.



Pengawal Persekutuan bekerja keras dalam membanteras PATI daripada kegiatan harian dan perniagaan haram yang telah mereka jalankan

Gerai Tanpa Lesen



Sebuah kedai yang tidak berlesen sedang dirobohkan



Pembinaan gerai tanpa kelulusan yang telah mengganggu lalulintas.



Tindakan menyita barang daripada peniaga yang tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah

KM 20, Jalan Rawang pada 6 Mac 2009. Operasi melibatkan seramai 50 orang anggota Pengawal Persekutuan, kakitangan Jabatan Pelesenan dan Jabatan Kejuruteraan.

Operasi menyita dan merobohkan gerai tanpa lesen telah dilakukan di

Sebanyak 7 unit gerai haram telah dirobohkan dan disita.

Billboard Tanpa Lesen

MPS telah mengadakan Ops Billboard pada bulan Mei 2009 yang bertujuan untuk menurunkan billboard-billboard yang tidak mempunyai lesen ataupun gagal membaharui lesen.

Di dalam ops terbabit sebanyak 2 buah billboard telah diruntuhkan.



Seramai 80 orang anggota Pengawal Persekutuan, kakitangan Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perancang Bandar telah turun untuk menjayakan ops terbabit.

Banner Tidak Berdaftar



Mulai bulan April 2009, MPS telah mengambil tindakan tegas terhadap kain-kain rentang, poster serta bunting yang digantung secara haram di sekitar kawasan pentadbiran MPS.



Pihak majlis akan memastikan anggota merampas barang terbabit dari masa ke semasa.

Banner yang tergantung dan ditampal di tempat-tempat awam ditangkal dan diturunkan dari tempatnya.

Notis serta saman diberikan kepada mereka yang mengiklankan perniagaan secara haram seperti pusat tuisyen, pajak gadai dan sebagainya.

Halal JAIS



MPS telah bekerjasama dengan pihak JAIS dan KPDNHEP Daerah Gombak telah membuat operasi bersepadu ke atas premis makanan yang menyalahgunakan logo halal pada 12 Mac 2009.




MPS telah mengeluarkan dua saman di bawah UUK 18 Pelesenan Establishment Makanan 2007 di bawah Seksyen 27 (3) (c) kerana tidak menyediakan tempat untuk mengasingkan barang yang halal dengan tidak halal.

UUK 18 Pelesenan Establishment Makanan 2007 di bawah Seksyen 27 (3) (c) kerana tidak menyediakan tempat untuk mengasingkan barang yang halal dengan tidak halal.

HARI BERTEMU PELANGGAN

Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu



YB Dato Ramli Mahmud melawat pameran dan gerai-gerai agensi kerajaan



Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri pada 9 - 10 Mei 2009 bertempat di Kompleks Selayang Mall, Selayang.

YB Dato Ramli Mahmud, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan lawatan untuk melihat sambutan yang diberikan oleh orang ramai.

Sebanyak 20 booth ruang kaunter dan pameran telah disediakan yang melibatkan 22 jabatan serta agensi Kerajaan Negeri Selangor antaranya Ibupejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,

Majlis Perbandaran Selayang, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Pejabat Pilihanraya Selangor, Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan lain-lain.

Selain itu, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat serta pendaftaran bagi program-program di bawah Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Anak Pekerja Ladang, Pusat Khidmat Krisis Sehenti, serta pendaftaran program Ibu Tunggal Selangor.

LAWATAN TURUN PADANG

Lawatan Ke Tapak Pelupusan Sampah Di Semenyih

Satu lawatan telah diadakan ke Tapak Pelupusan Sampah di Semenyih bagi melihat bagaimana pengurusan sampah dibuat oleh Syarikat Phoenix Corporation pada 29 Jun 2009.

Lawatan yang diketuai oleh Dato' YDP tersebut turut disertai oleh Ahli-Ahli Majlis dan jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Perkhidmatan Bandar & Alam Sekitar, Jabatan Penilaian dan Bahagian Perundangan.

Wakil pihak syarikat telah memberi taklimat mengenai teknik yang digunakan untuk memproses sampah-sampah terbabit menjadi air mineral, plastik, tenaga elektrik dan baja.

Diharapkan dengan lawatan tersebut, Ahli-Ahli Majlis dan pihak pengurusan MPS dapat mencari alternatif dan kaedah yang lebih baik untuk mengatasi masalah pelupusan sampah yang semakin meruncing di kawasan pentadbiran Majlis.



Para pelawat sedang memerhatikan jenis sampah sarap yang akan dilupuskan di pusat lawatan tapak.



Pelawat diterangkan mengenai kualiti air jernih yang telah dihasilkan daripada kajian yang telah mereka jalankan



- 1 Kualiti dan jenis sampah diasinkan dan diterangkan kepada para pelawat cara-cara pemprosesan bertingkat yang akan dilakukan
- 2 Loji penapisan air diperlihatkan untuk kesedaran mereka betapa banyak proses yang berlaku semasa air loji dirawat semula

Bulan Pembayaran Kompaun Letak Kereta Sebelum Mahkamah



Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah melancarkan kempen pembayaran kompaun tempat letak kereta mulai 15 April sehingga 14 Mei 2009 sebelum saman mahkamah dikeluarkan. Tujuan kempen ini diadakan adalah bertujuan untuk menggalakkan orang ramai membayar kompaun tempat letak kereta mereka yang telah tertunggak. Oleh itu, pihak MPS amat berharap agar pesalah-pesalah letak kereta dapat menggunakan peluang yang terbaik ini untuk menjelaskan kompaun mereka sebelum saman mahkamah dikeluarkan oleh pihak majlis kepada mereka.



Kempen pembayaran kompaun letak kereta ini akan memberikan peluang kepada pesalah letak kereta untuk melunaskan kompaun mereka. Selain itu, menerusi kempen ini juga pihak MPS mahu mengingatkan para pesalah bahawa mereka mempunyai kompaun yang tertunggak dengan MPS. MPS juga ingin mendidik pengguna agar mematuhi undang-undang dan lebih berdisiplin dalam urusan menggunakan tempat letak kereta.

KAKITANGAN BARU

Senarai Nama Kakitangan Lantikan Baru Januari - Jun 2009

TARIKH	NAMA	JAWATAN	JAB. / BHG.
2/1/09	Fazilah bt. Ibrahim	Pen. Peg. Kes. Persekutaran U29 (Tetap)	Kesihatan
2/3/09	Shamsinah bt. Said	PKA U17	Kesihatan
2/3/09	Mohamad Hanafi b. Ismail	Pekerja Awam (R1)	K / Pengurusan
2/3/09	Mohd. Kahiri b. Hasan	Pekerja Awam (R1)	Kejuruteraan
2/3/09	Mohd. Fairuz b. Moothi Koothi	Pekerja Awam (R1)	Kejuruteraan
2/3/09	Junaidi b. Anuar	Pekerja Awam (R1)	Tmn & Rekreasi
2/3/09	Suresh Kumar A/L Karmagam	Pekerja Awam (R1)	Kesihatan
2/3/09	Normah @ Nagoramma bt. N. Mohd. Ansari	Pekerja Awam (R1)	Kemudahan Awam
2/3/09	Mohd. Suafiq b. Mohd. Shahril	Pekerja Awam (R1)	Bangunan
2/3/09	Mohd. Faizal b. Baharudin	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Mohd. Norashid b. Samudi	Pekerja Awam (R1)	Kesihatan
2/3/09	Mohd. Natzli b. Wahab	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Ram Kumar A/L Ramasanthiran	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Fazlan b. Stapa	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Mohamed Kamaldeen b. M.Mohamed Ebrahim	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
2/3/09	Shalahudin b.bM. Mohamed Ebrahim	Pekerja Awam (R1)	Kesihatan
2/3/09	Mohamad Syamsul b. Hamzah	Pekerja Awam (R1)	Kesihatan
2/3/09	Alex Fernandez A/L Thangamany	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
2/3/09	Mohd. Syahirul Affi b. Jamil	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
2/3/09	Mohd. Ridzuan b. Hamzah	Pekerja Awam (R1)	Pej. YDP
2/3/09	Thinagaraj A/L Panjavaram	Pekerja Awam (R1)	Kejuruteraan
2/3/09	Theresa A/P Antonisamy	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Mohd. Saiful Saffie b. Yahaya	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan.
2/3/09	Zawahir b. Abdul Sukur	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Borhan b. Mohamed Ali	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
2/3/09	Zulhilmi b. Hanib	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
2/3/09	Murugan A/L Muniandy	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
2/3/09	Khairul Hisyam b. Hj. Jalaluddin	Pekerja Awam (R1)	Kejuruteraan
2/3/09	Khairul Akhbar b. Ghazali	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Mohd. Nazri b. Kamal	Pekerja Awam (R1)	Penguatkuasa & Keselamatan
2/3/09	Jaya Kumar A/L Moorthy	Pekerja Awam (R1)	Kejuruteraan
2/3/09	Saleh b. Ismail	Pekerja Awam (R1)	Khidmat Pengurusan
2/3/09	Zahira bt. Zaini	Pembantu Tadbir (N17)	Perbendaharaan
2/3/09	Nor Aida Azzat bt. Baharudin	Pembantu Tadbir (N17)	Perolehan
2/3/09	Muhammad Firdaus b. Zulkifli	Pem. Kesihatan Awam	Kesihatan
2/3/09	Kavitha A/P Savunra Rajan	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
10/03/09	Paramasivam A/L Gopal	Pekerja Awam (R1)	Kejuruteraan
16/03/09	Kasmah bt. Kamis	Pen. Peg. Penilaian (W27)	Penilaian & Pengurusan Harta
17/3/09	Nahaida bt. Mohd. Napis	Pembantu Tadbir (N17)	Kesihatan & Pelesenan
1/4/09	Mohd. Amri b. Zainol	Pekerja Awam (R1)	Unit Urusetia
1/4/09	Mohammad Haziq b. Jamaluddin	Pekerja Awam (R1)	Taman & Rekreasi
1/4/09	Natrafidah bt. Othman	Pembantu Tadbir (W17) – (Tetap)	Perbendaharaan
1/4/09	Mohd. Amirul Syafiq b. Mohd. Haris	Pembantu Tadbir (W17) – (Tetap)	Perbendaharaan
6/4/09	Mohd. Rizman b. Abdollah	Pembantu Pertanian (G 17) – (Tetap)	Taman & Rekreasi

FUTSAL YDP

Kejohanan Futsal Piala YDP Tahun 2009



Peserta futsal datang awal pagi untuk mendaftarkan pemain dan pasukan kejohanan masing-masing



Sebelum perlawanan bermula, para peserta diberi taklimat mengenai peraturan dan syarat-syarat futsal oleh ketua pengadil



Pasukan yang berjaya ke peringkat akhir.



Aksi-aksi semasa pertandingan



Para peserta yang telah memenangi pertandingan itu mendapat hadiah bersama sijil penyertaan yang telah diserahkan kepada mereka

Kejohanan Futsal Piala YDP telah berlangsung pada 28 – 29 Mac 2009 bertempat di Sport Planet Sungai Buloh.

Pertandingan adalah terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Jawatankuasa Penduduk (JKP). Penyertaan yang diterima adalah amat mengalakkan di mana kejohanan turut menyaksikan seramai 40 pasukan bagi kategori terbuka dan 26 pasukan bagi kategori JKP telah beraksi bagi merebut kejuaraan.

Para Pemenang bagi setiap kategori kejohanan ini membawa pulang Piala Yang Dipertua (piala pusingan), pingat, sijil serta hadiah wang tunai.

SUKAN KERAJAAN TEMPATAN

Atlet Ping Pong Cemerlang



Peserta MPS yang telah memenangi hadiah mempamerkan aksi-aksi yang bergaya selepas kemenangan

Atlet Ping Pong MPS telah menunjukkan prestasi cemerlang dengan menyumbang sebanyak 1 pingat emas (beregu lelaki), 1 pingat perak (beregu wanita) dan 1 gangsa (berpasukan) untuk kontinjen MPS dalam Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Tahun 2009.

Dalam kejohanan kali ini, Majlis Perbandaran Klang telah menjadi tuan rumah yang telah berlangsung pada 25 hingga 28 Jun 2009.

MPS telah menyertai 12 acara iaitu bola sepak, bola jaring, badminton, ping pong, tenpin boling, catur, karom, dart, dam aji, paintball, tarik tali, futsal, sepak takraw dan boling VIP.

Selain ping pong, pasukan paintball telah turut menunjukkan prestasi cemerlang dengan menyumbang pingat iaitu 1 pingat perak. Untuk acara boling VIP, pasukan MPS telah berjaya menggondol pingat emas.

Walaupun gagal menyumbang pingat beberapa pasukan telah menunjukkan prestasi yang baik. Pasukan bolasepak dan futsal telah berjaya ke peringkat separuh akhir. Kontinjen MPS pada tahun ini telah diwakili oleh seramai 148 orang peserta.

Secara keseluruhan MPS berjaya menduduki tangga ke-5 pada kejohanan tersebut. Majlis Perasmian Penutupan SKT 2009 ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid Bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor bertempat di Stadium Hoki Pandamaran, Klang.

Secara keseluruhannya, semua kontinjen MPS telah menunjukkan satu komitmen dan semangat juang yang tinggi dalam mencapai kemenangan bagi mengharumkan nama Majlis Perbandaran Selayang dalam bidang sukan khususnya. Majlis Perbandaran Selayang akan menjadi tuan rumah kejohanan ini pada tahun 2011.



Pasukan bola sepak beraksi di peringkat separuh akhir



Gandingan pingat perak



YDP menerima penganugerahan selaku tuan rumah SKT pada tahun 2011

